




Satu minggu kemudian, Nuh cuba lagi. Merpati itu kembali dengan setangkai daun zaitun di paruhnya. Minggu berikutnya Nuh tahu bahawa bumi sudah kering sebab merpati itu tidak kembali.

19



Tuhan berkata kepada Nabi Nuh inilah masanya untuk meninggalkan bahtera. Nuh dan keluarganya pun melepaskan binatang-binatang itu.


20



Betapa senangnya perasaan Nuh pada saat itu. Dia membina sebuah mazbah dan memuji Tuhan yang sudah menyelamatkan

dia dan keluarganya dari banjir yang dahsyat itu.


21




Tuhan memberikan satu janji yang luarbiasa kepada Nuh. Tidak akan pernah lagi Tuhan menghantar

banjir untuk menghakimi dosa manusia. Tuhan memberikan satu peringatan untuk janjinya. Pelangi itu menandakan janji Tuhan.

22



Nuh dan Banjir



Nuh dan keluarganya mencari permulaan baru sesudah banjir. Pada waktu itu, keturunannya akan memenuhi seluruh bumi. Semua bangsa di dunia ini berasal dari

keturunan Nuh dan anak-anaknya.

23

Nuh dan Banjir
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Kejadian 6-10

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

Penulis Edward Hughes
Digambar oleh Janie Forest

Diterjemahkan oleh Julie TY
Disadur oleh Ruth Klassen

Cerita 3 daripada 60

M1914.org
Bible for Children, PO Box 3, Winnipeg MB R3C 2G1 Canada

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.


Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut.

Allah sangat mengasihi kita sehingga Dia mengutus AnakNya, Yesus, mati di kayu Salib dan membayar penalti kita. **Yesus hidup kembali** dan pulang ke syurga! Sekarang Allah boleh mengampuni dosa-dosa kita.

Jika anda ingin berpaling daripada dosa-dosa anda, katakan ini kepada Allah: Ya Allah, saya percaya Yesus mati untuk saya, bangkit semula dan kini masih hidup. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin. Yohanes 3:16

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari!


Malay



Nuh adalah seorang yang mengasihi dan memuji Tuhan, dan satu-satunya orang yang baik. Semua orang lain membenci dan tidak mahu mentaati

Tuhan. Satu hari, Tuhan berfirman tentang sesuatu yang sangat mengejutkan.

1



"Aku akan membinasakan dunia yang jahat ini," Tuhan berfirman kepada Nabi Nuh. "Hanya anda dan keluarga anda yang akan selamat."

2

Tuhan memberi amaran kepada Nuh bahawa banjir akan datang dan menutupi bumi. "Buatlah bagimu sebuah bahtera yang cukup besar untuk keluarga dan banyak binatang," Noah diperintah. Tuhan memberikan perintah yang jelas bagi Nuh. Nuh menjadi sangat sibuk!

3

Orang lain mungkin mengejek Nuh ketika dia menjelaskan mengapa ia membuat sebuah bahtera. Namun, dia tetap membina bahtera itu.

4

Dia juga tetap menceritakan tentang Tuhan kepada orang-orang di sekitarnya. Tetapi tidak ada seorang pun yang mendengar katanya.

5

Nuh mempunyai iman yang besar. Dia percaya Tuhan walaupun hujan tidak pernah turun sebelumnya. Dengan segera bahtera itu siap untuk dipenuhi dengan binatang.

6

Sekarang binatang-binatang itu datang secara berpasangan dan masuk ke dalam bahtera itu. Tuhan membawa tujuh pasang daripada setiap jenis burung dan binatang yang halal, ...

7

... sepasang daripada setiap jenis yang tidak halal. Burung yang besar dan kecil. Binatang-binatang buas yang kurus dan tinggi berjalan menuju ke bahtera.

8

Mungkin orang-orang berteriak menghina Nabi Nuh saat dia mengisi bahtera dengan binatang-binatang.

9

Mereka tidak berhenti berbuat dosa melawan Tuhan. Mereka tidak meminta untuk ikut masuk ke dalam bahtera.

10

Akhirnya, semua binatang dan burung-burung telah masuk. "Masuklah ke dalam bahtera itu," Tuhan menjemput Nabi Nuh. "Engkau dan seisi rumahmu."

11

Nuh, isterinya, tiga orang anak dan isteri-isteri mereka masuk ke dalam bahtera. Kemudian Tuhan menutup pintu!

12

Hujan pun turun. Satu hujan lebat meliputi bumi empat puluh hari empat puluh malam.

13

Banjir meliputi bandar-bandar dan desa-desa. Saat hujan berhenti, gunung-gunung yang tinggi juga dliputi air. Segala sesuatu yang bernafas mati.

14

Ketika air terus naik, bahtera itu terapung-apung di atas permukaan air. Mungkin gelap di dalamnya, mungkin bergelombang, dan mungkin menakutkan. Tetapi bahtera ini melindungi Nuh dari banjir ini.

15

Setelah lima bulan banjir, Tuhan menghantar angin kering. Perlahan-lahan, air pun surut dan bahtera itu terdampar di sebuah gunung tinggi bernama Ararat.

16

Nuh masih tinggal di dalam bahtera selama empat puluh hari lagi sampai air surut sama sekali.

17

Nuh menghantar seekor burung gagak dan merpati tingkap bahtera. Kerana tidak dapat mencari tanah yang kering bagi tumpuan kakinya, burung merpati itu kembali kepada Nabi Nuh.

18